



# **MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

## **TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD**  
**DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

## **SEMPENA**

**MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN  
PERKHIDMATAN REHABILITASI FASA 1, TAPAK  
PELUPUSAN SANITARI PULAU BURUNG SERTA  
KERJA-KERJA PEMBANGUNAN DI LOT 4494, 4495,  
4496 & PT 517, MUKIM 11, SEBERANG PERAI  
SELATAN, PULAU PINANG**

## **TARIKH / MASA / TEMPAT**

**27 JANUARI 2024 (SABTU)**  
**10.00 PAGI**

**THE SHIP CAMPUS BATU KAWAN  
SEBERANG PERAI SELATAN**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, marilah kita semua meninggikan pujian dan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpahan kurnia dan rahmat-Nya, kita berkesempatan menyempurnakan **Majlis Menandatangani Perjanjian Perkhidmatan Rehabilitasi Fasa 1, Tapak Pelupusan Sanitari Pulau Burung Serta Kerja-Kerja Pembangunan di Lot 4494, 4495, 4496 & PT 517, Mukim 11, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang** antara **Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP)** dan **AE Carbon Capital Sdn. Bhd.** di *The Ship Campus* Batu Kawan, Seberang Perai Selatan.
2. Di kesempatan ini, saya, bagi pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai, ingin menjunjung kasih Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi bin Haji Abdul Razak, Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri Utama Khadijah binti Mohd Nor di atas kesudian menghadiri serta menyaksikan majlis menandatangani **Perjanjian Perkhidmatan Rehabilitasi Fasa 1, Tapak Pelupusan Sanitari Pulau Burung** ini. Saya rasa amat terharu dan ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas kesudian Tuan Yang Terutama Tun dan Yang

Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri Utama untuk hadir bersama-sama pada pagi yang bersejarah ini.

3. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh, Timbalan Ketua Menteri 2; kesemua Dif-Dif Kehormat; Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis MBSP; Yang Berusaha Setiausaha Bandaraya, Yang Berbahagia Dato' Lathpi bin Dato' Ahmad, Pegawai Eksekutif AE Carbon Capital Sdn. Bhd.; Pegawai-Pegawai Kanan dan Wakil-Wakil Jabatan MBSP; pegawai-pegawai AE Carbon Capital Sdn. Bhd.; warga kerja MBSP; rakan-rakan media; dan para hadirin sekalian yang menjayakan majlis pada pagi ini.
4. Negeri Pulau Pinang telah mewujudkan sistem pengurusan sisa pepejal bersepadu yang mesra alam, iaitu Tapak Pelupusan Sanitari Pulau Burung yang terletak di Mukim 11, Pulau Burung, Seberang Perai Selatan. Tapak Pelupusan Sanitari Pulau Burung adalah merupakan tapak pelupusan akhir sampah bagi Negeri ini dan adalah infrastruktur penting dalam sistem pengurusan sisa pepejal bagi menjamin kesejahteraan masyarakat.
5. MBSP mengendalikan Tapak Pelupusan Sanitari Pulau Burung yang dibahagikan kepada tiga (3) fasa, iaitu:-

- i. Fasa 1 yang berkeluasan 80 ekar di mana ianya telah pun mencapai kapasiti maksima dan telah ditutup. Fasa ini akan direhabilitasi iaitu terlibat dengan pemulihan tapak dengan kaedah perlombongan tapak pelupusan dan menyediakan ladang *solar* atau kaedah lain yang sesuai;
- ii. Fasa 2 yang berkeluasan 46.8 ekar dan juga telah mencapai kapasiti maksima. Tapak ini telah ditutup dan kerja-kerja penutupan selamat dilaksanakan;
- iii. Fasa 3 yang berkeluasan 315 ekar dan beroperasi sepenuhnya sebagai kawasan pelupusan sampah dan sisa pepejal daripada Seberang Perai dan Pulau Pinang. Projek pembangunan Fasa 3 Tapak Pelupusan Sanitari Pulau Burung adalah tapak pelupusan sampah yang mencerminkan komitmen Kerajaan Negeri, Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan Majlis Bandaraya Seberang Perai untuk memastikan tapak pelupusan akhir sampah disediakan secara berterusan supaya tidak menjejaskan pengurusan sisa pepejal di Negeri ini. Fasa 3 Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung yang dibangunkan merupakan pelaburan negeri untuk menyediakan salah satu infrastruktur bagi sistem pengurusan sisa pepejal yang bersepadu. Ianya merupakan langkah penyelesaian untuk mengatasi keperluan segera masyarakat bagi pelupusan sisa pepejal.

6. Tapak Pelupusan Fasa 1 yang terletak di Lot 4494, Lot 4495 dan Lot 4496, Mukim 11, Seberang Perai Selatan telah digunakan untuk pelupusan sisa pepejal sejak tahun 1983 dengan keluasan sebanyak 80 ekar dan tanah lembap (*wetland*) di PT 517 yang berkeluasan 25 ekar. Namun, bermula dari 15 Disember 2020, ia tidak lagi digunakan untuk tujuan pelupusan sisa pepejal. Adalah dianggarkan sebanyak 11.76 juta tan sisa pepejal telah dibuang di tapak tersebut.
7. MBSP telah mengeluarkan tender *Request for Proposal* (RFP) untuk rehabilitasi / memulihkan semula tapak pelupusan dengan kaedah-kaedah penggunaan teknologi yang membolehkan penukaran sisa kepada tenaga. Dokumen ini telah diiklankan pada 25 November 2021 yang lalu dan dibuka untuk jualan bermula pada 03 Disember 2021 sehingga tarikh tutup pada 13 Januari 2022.
8. Syarikat AE Carbon Capital Sdn. Bhd. (AECC) telah berjaya dilantik oleh MBSP dan tempoh kontrak yang diberikan adalah selama 25 tahun.
9. Perkhidmatan rehabilitasi ini dibiayai sepenuhnya oleh pihak syarikat dan MBSP tidak menanggung sebarang kos bahkan MBSP akan mendapat hasil melalui sewaan tapak dan perkongsian keuntungan

(*profit sharing*). MBSP menjangkakan hasil baharu sebanyak RM18juta bagi tempoh 25 tahun menerusi projek ini.

10. Sehubungan dengan itu, Syarikat AECC akan menjalankan rehabilitasi tapak dengan cadangan yang telah dikemukakan dan menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan tapak yang merangkumi kawasan tanah lembap (*wetland*) di PT 517; penyelenggaraan parit perimeter *leachate*; memastikan kestabilan cerun dan menjalankan kerja *physical boundary* yang membezakan lot di Fasa 1, Tapak Pelupusan Sanitari Pulau Burung.
11. Kawasan tapak Fasa 1, Tapak Pelupusan Sanitari Pulau Burung yang telah digunakan dengan kemasukan sisa-sisa sejak 19 tahun yang lalu dianggarkan mempunyai kapasiti sampah lama yang tinggi yang sesuai untuk dikorek semula bagi penghasilan RDF *fuel* untuk *electricity generation* atau *cement industry*.
12. Pihak AECC juga akan menjalankan aktiviti *solar farm* yang akan bermula sebaik selesai proses *landfill mining* sehingga tamat perkhidmatan.
13. Majlis pada hari ini merupakan Majlis Menandatangani Perjanjian AECC & MBSP – Perkhidmatan Rehabilitasi Fasa 1, Tapak

Pelupusan Sanitari Pulau Burung Serta Kerja-Kerja Pembangunan Di Lot Lot 4494, 4495, 4496 Dan PT517, Mukim 11, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang. Projek rehabilitasi ini merupakan projek yang pertama akan dijalankan di Malaysia di mana tapak pelupusan tersebut akan dibaikpulih semula yang akan menguntungkan MBSP dan memberi pendapatan kepada pihak AECC untuk menghasilkan produk baru iaitu RDF yang akan diperolehi daripada kaedah *landfill mining*.

14. Saya tidak berhasrat untuk berucap lebih panjang lagi. Saya memohon maaf khususnya kepada Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri Utama, jika ada ketelanjangan kata, salah bicara sepanjang ucapan ini. Menjunjung kasih di atas kesudian Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri Utama yang sudi hadir pada hari ini. Saya mendoakan semoga Tuan Yang Terutama Tun, Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri Utama dan keluarga sentiasa berada dalam keadaan sihat dan terus memayungi Negeri Pulau Pinang.
15. Saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih dan penghargaan saya kepada Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo, kesemua Dif-Dif Kehormat, dan para hadirin sekalian. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan warga Seberang Perai yang dikasihi yang sentiasa menyokong

dengan memberikan komitmen penuh dalam menjayakan program-program MBSP dan saya pasti dengan komitmen ini, “**Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan**” atau “**Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow**” dapat direalisasikan.

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.***